



UNTUK SIARAN SEGERA

MIDF ANJUR KLINIK UPSR DI TEMERLOH, PAHANG

Temerloh, Pahang, 23 April 2017 – Inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Kumpulan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) yang berdasarkan pendidikan telah melahirkan pelbagai program-program yang memberi manfaat kepada mereka yang berkenaan. Sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2017 (MSAM) di Temerloh, Pahang, MIDF telah menganjurkan Klinik UPSR dengan kerjasama Unit Pendidikan Berita Harian.

Seramai 200 orang murid dari lima buah sekolah di sekitar Temerloh terpilih untuk menyertai Klinik UPSR tersebut. Sebelum ini MIDF pernah menganjurkan Klinik ini di Kota Tinggi, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Perlis, Kelantan dan Perak.

Pendidikan merupakan aset yang paling berharga kerana ia mampu mengubah keadaan hidup seseorang. “Tiada jalan mudah atau cepat untuk meniti kejayaan, dan pendidikan yang cemerlang adalah paspot untuk membina masa hadapan yang cerah malahan ia juga boleh mengubah taraf sosio-ekonomi seseorang,” kata Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah. “Pendidikan adalah harta paling berharga yang boleh dihadiahkan oleh ibu bapa kepada anak-anak. Oleh yang demikian ibu bapa perlu memainkan peranan mereka untuk memberi bimbingan dan sokongan supaya anak-anak boleh terus maju di dalam bidang pelajaran,” ujar beliau.

Klinik yang berlangsung pada 22 dan 23 April 2017 telah mendedahkan murid-murid ini kepada teknik serta kemahiran belajar secara berkesan. Mereka telah diberi bimbingan daripada tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkebolehan. Fokus Klinik UPSR pula akan ditumpukan kepada lima mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu (Pemahaman), Bahasa Melayu (Penulisan), Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

“Tujuan MIDF menganjurkan program ini adalah untuk membantu membentuk masyarakat serta modal insan yang cemerlang. Kami akan meneruskan penganjuran program-program seperti ini untuk membantu Negara dalam pembentukan modal insan yang berkualiti dan seterusnya bertaraf antarabangsa.” tambah Datuk Mohd. Najib lagi.

Hadir bersama di majlis penutup Klinik UPSR pada 23 April 2017 untuk menyampaikan sijil kepada murid-murid yang berjaya menyertai klinik tersebut adalah Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad, Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Lima sekolah yang terlibat dalam Klinik UPSR anjuran MIDF adalah SK Seri Tualang, SK Bangau, SRA At-Taqwa, SK Paya Pulai and SK Jalan Bahagia.

#####

Mengenai MIDF

MIDF telah ditubuhkan lima puluh tujuh tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara.

Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset dan Pembiayaan Mezanin.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Anita Ramly
Ketua, Komunikasi dan Perhubungan Korporat
Jabatan Komunikasi Korporat
Tel: (03) 2173 8756
Faks: (03) 2173 8866

H/P: (019) 332 4809

E-mel: anita.ramly@midf.com.my

Laman Sesawang: www.midf.com.my